

Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS anjur lawatan program penandarasan pendidikan Mei lalu



PENGARAH Program, Sapril Lakim

OLEH ALMAWATI RAKIM

NST 7.6.2016 11

UNTUK memajukan pendidikan negara dalam semua aspek, perkongsian pengalaman mengurus institusi pendidikan mampu melonjakkan profesionalisme kepimpinan pengurusan pendidikan.

Kerana institusi pendidikan itu bukanlah tertumpu pada proses pembelajaran mahupun pengajarannya semata-mata, tetapi mempunyai fungsi besar kepada warga sekolah mahupun masyarakat setempat sekaligus memberi impak daripada aspek sosial dan ekonomi.

Fakulti Psikologi dan Pendidikan dan pelajar Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan) Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini, telah menganjurkan lawatan Penandarasan Pendidikan (Pembangunan Pendidikan) di beberapa tempat terpilih di Semenanjung Malaysia, bermula 22 hingga 27 Mei yang lalu.

Menurut pengarah program, Sapri Lakim, lawatan itu juga merupakan kerjasama antara fakulti dengan Jabatan Pendidikan Sabah.

"Antara lain objektif lawatan ini tentunya untuk menambahkan pengalaman serta kemahiran mengurus dalam kalangan pelajar MEM17-2016, menyuburkan nilai profesionalisme guru-guru melalui perkongsian ilmu, mengenal pasti program-program pembangunan pendidikan berimpak tinggi," katanya lagi.

Selain daripada itu objektif seterusnya adalah untuk meningkatkan pemahaman berkaitan dasar pembangunan pendidikan Malaysia dan menjalin perkongsian pintar dengan institusi pendidikan lain yang terdapat di negara ini.

Tempat-tempat yang dipilih untuk dilawati adalah Sekolah Menengah Seri Puteri, Cyberjaya; Unit Pembangunan Pendidikan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Selangor dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Putrajaya.

Menurutnya, lawatan pertama rombongan adalah di EPRD Putrajaya, dimana lawatan sehari itu selain daripada diberi pererangan mengenai perancangan dasar pendidikan Negara, rombongan ini turut berkesempatan melawat tempat-tempat penyimpanan tesis master dan juga Phd.

Lawatan kemudian diteruskan keesokan harinya di SM Seri Puteri, Cyberjaya. Sedikit info mengenai sekolah ini, SM Seri Puteri Cyberjaya merupakan satu-satunya pasukan orchestra dari Malaysia



DR Roslee memberi cenderahati kepada wakil EPRD.



DR Dayang Norizah menyerahkan cenderahati kepada wakil JPN Selangor.



SEKITAR gambar ketika di SM Seri Puteri Cyberjaya.



GAMBAR-gambar lawatan di JPN Selangor dan juga sewaktu di EPRD.



diberi tempat bertanding di IYMF Vienna pada tahun 2014, dimana kejayaan ini dianggap sebagai pencapaian luar biasa apabila pasukan sama pernah terpilih ke Australia International Music Festival pada tahun 2013.

Selain daripada itu, orchestra Sekolah Seri Puteri (SP Winds) turut mencatatkan kejayaan ketika di Vienna apabila memenangi tempat kedua kategori Symphonic Bands, turut menggondol Anugerah Khas Jeunesse Austria (Encouragement Award), untuk persembahan cemerlang sepanjang IYMF 2014.

Dalam pertandingan itu, tempat pertama adalah dari New

Zealand dan ketiga pula dari Amerika Syarikat.

Ketika lawatan ke sekolah berprestasi tinggi itu, rombongan telah dibawa melawat ke sekitar bangunan sekolah untuk melihat sendiri Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang sedang berlangsung. Sekolah ini amat mengutamakan ICT dalam PdP.

Menurut Sapri, lawatan itu membabitkan seramai 34 siswa dan siswi program Pasca-siswazah Sarjana Pendidikan serta dua pensyarah Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS.

Tambahnya, dengan adanya program seperti itu pelajar sar-



GAMBAR bersama ketika di Lapangan Terbang Antarabangsa KK, sebelum bertolak.

jana amnya akan lebih memahami proses dinamik pemban-

gunan pendidikan yang berlaku di lokasi lawatan.